



# PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

---

**UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA)  
2023 - 2027**





# **PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)**

---

**UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA)  
2023 - 2027**

Cetakan Pertama / First Printing, 2023  
© Hak cipta / Copyright Universiti Sultan Zainal Abidin, 2023.

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Unit Integriti, Universiti Sultan Zainal Abidin terlebih dahulu.

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, either electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Integrity Unit, Universiti Sultan Zainal Abidin.*

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by  
Unit Integriti  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA  
Tel: 09-668 8888  
Emel: pp\_integriti@unisza.edu.my

Dicetak di Malaysia oleh / Printed in Malaysia by  
P & G Global Enterprise  
Lot 468 (Atas) Jalan Chendering  
Kg. Wakaf Kedondong, Bukit Payong  
21400 Marang, Terengganu, MALAYSIA  
Emel: pg\_global@ymail.com  
Tel: 09-619 2810  
H/P: 013-930 0186

# ISI KANDUNGAN

Amanat Naib Canselor	06
Perutusan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi	07
Kata Aluan Ketua Unit Integriti	08
Singkatan	09
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	10
1.1 Latar Belakang	11
1.2 Sejarah Penubuhan UniSZA	11
1.3 Carta Organisasi	12
1.4 Visi, Misi dan Moto	12
1.5 Pelan Strategik	13
1.6 Bidang Keutamaan	14
<b>BAB 2 CABARAN DALAM MENANGANI RASUAH</b>	15
2.1 Dasar Integriti dan Tadbir Urus UniSZA	16
2.2 Isu Rasuah	16
<b>BAB 3 PELAN TINDAKAN DAN INISIATIF</b>	18
3.1 Kerangka Utama OACP	19
3.2 Analisis Kuadran	21
3.3 Bidang Keutamaan 1: Tadbir Urus	21
3.4 Bidang Keutamaan 2: Akademik dan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni	23
3.5 Bidang Keutamaan 3: Penyelidikan dan Inovasi	25
3.6 Bidang Keutamaan 4: Kewangan dan Pembangunan	27
<b>BAB 4 MEKANISME PELAKSANAAN, PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN</b>	29
<b>BAB 5 PENUTUP</b>	31
Penghargaan	33





# AMANAT NAIB CANSELOR



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera...

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya juga, dapat kita bangunkan Pelan Antirasuah Universiti Sultan Zainal Abidin (OACP UniSZA) 2023-2027. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada pihak Pengurusan Tertinggi atas komitmen yang telah ditunjukkan dalam mengenal pasti risiko-risiko yang wujud serta merangka strategi dan inisiatif untuk menangani risiko-risiko tersebut. Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada Jawatankuasa Pembangunan OACP UniSZA dan sekretariat, Unit Integriti yang telah bertungkus-lumus menguruskan penyediaan hingga siapnya OACP UniSZA 2023-2027.

Pelan ini juga menunjukkan keseriusan UniSZA dalam mendukung hasrat kerajaan dalam menangani isu-isu rasuah yang berlaku di kalangan penjawat awam khususnya. Besar harapan saya agar dengan wujudnya OACP UniSZA ini dapat melahirkan warga UniSZA yang bebas rasuah dan berintegriti dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberikan.

Sehubungan dengan itu, marilah sama-sama kita memberikan tumpuan kepada aspek pembudayaan dan penghayatan nilai-nilai integriti dalam setiap aspek tugas kita supaya kita sama-sama dapat merealisasikan wawasan ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**YBHG. PROFESOR DATO' DR. FADZLI BIN ADAM**  
**Naib Canselor**



## **PERUTUSAN PENGERUSI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya jua Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi dapat menyiapkan OACP UniSZA. Alhamdulillah. Sekalung tahniah dan jutaan terima kasih diucapkan kepada barisan Urus Setia yang telah menggembungkan tenaga dan usaha dalam memastikan perjalanan dan proses menyiapkan OACP UniSZA dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. OACP UniSZA ini menggariskan empat (4) Bidang Keutamaan, empat (4) Strategi, 12 Objektif Strategik dan 48 Inisiatif. Bagi merealisasikan kejayaan pelaksanaan OACP UniSZA ini, komitmen yang tinggi daripada semua warga UniSZA adalah sangat diharapkan.

Integriti merupakan tunjang utama dalam pentadbiran sesebuah organisasi. Budaya kerja berintegriti dapat dijayakan melalui tadbir urus yang baik di semua peringkat. Dengan adanya dasar dan tadbir urus yang mantap, ruang dan peluang berlakunya pelbagai salah laku seperti rasuah dan salah guna kuasa akan dapat dielakkan. Dalam masa yang sama, pendekatan kerohanian dan *Flexible Education with Soul* (FlexS) yang menjadi dogma UniSZA perlu diperkisasakan untuk menguatkan jati diri warga UniSZA.

Saya yakin OACP UniSZA ini akan memberi kesan positif kepada UniSZA dan menyeru kepada semua warga UniSZA agar bersama-sama sepakat dalam usaha ke arah meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan, mengamalkan budaya kerja berintegriti, telus serta bertanggungjawab. UniSZA telah dikategorikan sebagai berisiko sederhana oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada tahun 2020 berdasarkan beberapa indikator yang telah dinilai oleh SPMR. Walaupun berisiko sederhana, OACP UniSZA dijangka dapat mengurangkan lagi risiko sedia ada ke tahap yang lebih baik. Sejakar dengan itu, pemantauan berkala akan terus dilaksanakan dalam mencapai visi dan misi pembangunan OACP ini.

Akhir kata, saya berharap agar OACP UniSZA ini dapat dilaksanakan sebagaimana yang telah dirancang di samping memupuk impak positif dan prestasi tinggi dalam kalangan warga UniSZA.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**PROFESOR DR. ZUHAIRAH ARIFF BINTI ABD GHADAS**  
**Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)**



## KATA ALUAN KETUA UNIT INTEGRITI



**MOHD FAIZAL BIN IBRAHIM**  
**Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO)**  
**Ketua Unit Integriti**  
**(2017 - 30 November 2022)**

**MOHD HUSNIZAN BIN MOHD NOR**  
**Ketua Unit Integriti**  
**(1 Disember 2022 - kini)**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera...

Subhanallah, Alhamdulillah, Allahuakbar. Syukur alhamdulillah atas limpah kurnia dan izin daripada Allah SWT Pelan Antirasuah Universiti Sultan Zainal Abidin (OACP UniSZA) berjaya disiapkan dengan jayanya. Sekalung penghargaan kami ucapkan kepada Naib Canselor, Pengurusan Tertinggi, Jawatankuasa Pembangunan OACP UniSZA dan barisan Urus Setia Unit Integriti atas komitmen, usaha dan sokongan sehingga kita berjaya menyediakan OACP UniSZA ini.

Pengurusan UniSZA menyahut seruan Kerajaan dengan membangunkan OACP UniSZA sejarar dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2, No. 1 2019 berkaitan Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi.

Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah UniSZA (JAR) Bil. 1/2022 pada 3 Julai 2022 telah bersetuju untuk Unit Integriti melaksanakan OACP UniSZA dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 27/2022 pada 8 Ogos 2022 telah meluluskan cadangan pembangunan OACP UniSZA.

Bengkel Pembangunan OACP UniSZA telah diadakan pada 3 hingga 5 Oktober 2022 manakala Bengkel Pemurnian Pembangunan OACP UniSZA telah berjalan pada 7 dan 8 Disember 2022.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak khususnya kepada Naib Canselor, Pengurusan Tertinggi, Jawatankuasa Pembangunan OACP UniSZA, barisan Urus Setia dan penceramah atas sokongan dan bantuan yang diberikan sepanjang tempoh penghasilan OACP UniSZA ini. Semoga usaha kita dalam membanteras amalan rasuah serta mewujudkan tadbir urus yang berintegriti akan terus dilaksana dan dipergiatkan.

Sekian, terima kasih.

# SINGKATAN

<b>Singkatan</b>	<b>Huraian</b>
<b>UniSZA</b>	Universiti Sultan Zainal Abidin
<b>PNC</b>	Pejabat Naib Canselor
<b>OACP</b>	Pelan Antirasuah Organisasi
<b>SOP</b>	Standard Operation Procedure
<b>PTj</b>	Pusat Tanggungjawab
<b>PPUU</b>	Pejabat Penasihat Undang-Undang
<b>BSM</b>	Bahagian Sumber Manusia
<b>UI</b>	Unit Integriti
<b>COMAE-i</b>	Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik
<b>PTNC (HEPA)</b>	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
<b>PPS</b>	Pusat Pengajian Siswazah
<b>IC</b>	Pusat Antarabangsa
<b>CREIM</b>	Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inkubator Penyelidikan
<b>CenTTM</b>	Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan UniSZA
<b>PPHB</b>	Pusat Pengurusan Harta Benda
<b>P2P</b>	Pusat Pemindahan Ilmu dan Pendidikan Berterusan
<b>PPIR</b>	Pusat Pengurusan Infostruktur dan Rangkaian
<b>JAR</b>	Jawatankuasa Antirasuah
<b>SPRM</b>	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
<b>KUSZA</b>	Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin
<b>UDM</b>	Universiti Darul Iman Malaysia
<b>PP</b>	Pejabat Pendaftar
<b>UAD</b>	Unit Audit Dalam
<b>PB</b>	Pejabat Bendahari
<b>KPTj</b>	Ketua Pusat Tanggungjawab



# **BAB 1**

# **PENGENALAN**



## 1.1 Latar Belakang

Keputusan kerajaan untuk menubuhkan Universiti Sultan Zainal Abidin telah menjadi mercu tanda dalam pembangunan institusi pendidikan awam negara dan menjadi kebanggaan rakyat Terengganu dan masyarakat Malaysia keseluruhannya.

## 1.2 Sejarah Penubuhan UniSZA

Kronologi penubuhan UniSZA adalah:

### Januari 1976

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu yang dipimpin oleh YAB Menteri Besar Terengganu, Allahyarham Tan Sri Hj Wan Mokhtar bin Ahmad telah meluluskan satu jawatankuasa yang berperanan menyemak semula dasar dan sistem pelajaran Sekolah-Sekolah Menengah Agama Terengganu dan mengadakan dasar serta Sistem Pelajaran Pusat Pengajian Tinggi Islam di Terengganu.

### Januari 1980

Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) telah ditubuhkan menerusi Enakmen Bil.3 tahun 1981 dan memulakan operasinya di Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin, Batu Burok. Pada 1981, operasi KUSZA berpindah ke Bangunan Hajah Wook, Pulau Kambing. Pada 17 Mac 1981, upacara peletakan batu asas KUSZA Kampus Gong Badak telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Mahmud al-Muktafi Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah. KUSZA mula beroperasi di Kampus Gong Badak yang terletak kira-kira 20 kilometer dari Bandar Kuala Terengganu pada Januari 1983.

### 2006

KUSZA terus menongkah arus dalam lautan pendidikan sehingga ia dinaik taraf menjadi universiti penuh pada tahun 2006 melalui pengisytiharan yang dibuat oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato Seri Abdullah bin Hj. Ahmad Badawi. Dengan pengisytiharan ini, bermulalah lembaran baharu bagi institusi pendidikan tinggi Islam ini sebagai Universiti Awam Malaysia yang ke-18 dengan nama Universiti Darul Iman Malaysia (UDM).

### Mei 2010

Bagi meneruskan kesinambungan KUSZA yang telah ditubuhkan pada tahun 1980, nama UDM telah ditukar kepada Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) pada 13 Mei 2010. Pemilihan nama baharu ini juga adalah bagi memperingati Sultan Terengganu ke-11, Almarhum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Sir Zainal Abidin III Mu'azzam Shah Ibni Almarhum Sultan Ahmad yang merupakan seorang pemimpin yang unggul, warak dan amat mencintai ilmu.


Pada 29 November 2013, logo baharu UniSZA telah diperkenalkan. UniSZA kini beroperasi di tiga (3) kampus iaitu Kampus Gong Badak (Kuala Nerus) sebagai kampus induk, Kampus Perubatan (Kuala Terengganu) dan Kampus Besut serta mengendalikan pejabat satelit di Putrajaya.



## PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA) 2023 - 2027

### 1.3 Carta Organisasi



### 1.4 Visi, Misi dan Moto UniSZA



## 1.5 Pelan Strategik

### Falsafah

Integrasi Kecemerlangan Islam dan Kontemporari Demi Manfaat Ummah.

### Visi

Menjadi Peneraju kepada Universiti Islam Integrasi Kontemporari.

### Misi

Membentuk Insan Holistik Menerusi Pendidikan Cemerlang dan Penyelidikan Berimpak Tinggi Berdasarkan Pengalaman Pintar untuk Melestarikan Masyarakat.

### Bidang Tujuan

- Peradaban Islam
- Sains Kesihatan
- Pertanian Lestari



### Strategi Utama: 5 Teras

- Graduan Kalis Masa Depan
- Penyelidikan Berimpak Tinggi
- Bakat Berprestasi Tinggi
- Pendigitalan Universiti
- Hero Komuniti

### Nilai Teras

- Ilmu
- Iman
- Amal
- Akhlak

### Moto

Ilmu Demi Faedah Insan



## 1.6 Bidang Keutamaan

Bidang Keutamaan yang telah dikenal pasti di UniSZA adalah sebanyak empat (4) bidang iaitu:

- Bidang Keutamaan 1: Tadbir Urus
- Bidang Keutamaan 2: Akademik dan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
- Bidang Keutamaan 3: Penyelidikan dan Inovasi
- Bidang Keutamaan 4: Kewangan dan Pembangunan





The background features a dynamic composition of overlapping geometric shapes in shades of blue, grey, and white. In the foreground, several red paper airplanes are shown in flight, leaving white smoke trails. One large airplane is angled upwards towards the top right, while others are positioned lower down.

## BAB 2

# CABARAN DALAM MENANGANI RASUAH



## 2.1 Dasar Integriti dan Tadbir Urus UniSZA

Sejajar dengan misi negara yang menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda pembanterasan rasuah menjadi keutamaan negara. Untuk itu, beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan bermula dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004, Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) 2010, Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0) 2013, dan yang terkini Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023.

UniSZA sentiasa menyokong usaha kerajaan dalam membanteras rasuah. Bagi tujuan ini, UniSZA telah menyahut seruan kerajaan dengan membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2023 -2027.

## 2.2 Isu Rasuah

Isu rasuah wujud dalam pelbagai sektor dan bidang, tanpa mengira status atau kedudukan individu yang memberi atau menerima rasuah. Tekanan ekonomi dan sosial membuka ruang dan peluang kepada berlakunya rasuah dan pelanggaran etika dalam pengurusan awam. Secara amnya, terdapat banyak faktor yang boleh menyebabkan berlakunya isu rasuah, antaranya:

### Kelemahan Tadbir Urus

- Kelemahan tadbir urus organisasi.
- Proses kerja yang tidak cekap dan teratur.
- Pengurusan maklumat yang tidak efisien.
- Terdedah kepada kebocoran maklumat.

### Kurang Efisien

- Kelemahan dalam membuat keputusan berasaskan maklumat yang tepat dan betul.
- Kelewatan atau kelemahan dalam melaksanakan tugas dan tindakan yang ditetapkan menyebabkan penyampaian perkhidmatan tidak cekap.


### Tiada Nilai-nilai Integriti

- Penyalahgunaan kuasa dalam menjalankan tugas yang diamanahkan.
- Kebocoran maklumat terperingkat.
- Wujud ruang dan peluang untuk rasuah dan pelanggaran integriti semasa pelaksanaan tugas.
- Campur tangan pihak yang berkepentingan dalam proses membuat keputusan.
- Budaya mengambil kesempatan untuk kepentingan peribadi.

### Sikap Individu

- Materialistik
- Tamak
- Keceluaran Kerohanian
- Gaya Hidup

# “ PENYEBAB BERLAKUNYA RASUAH ”

**01****Kelemahan  
Tadbir Urus****02****Kurang  
Kompetensi****03****Tiada Nilai-nilai  
Integriti****04****Sikap  
Individu**

Kesan daripada isu rasuah ini, boleh mengancam keselamatan negara melalui pembocoran maklumat terperingkat. Selain itu, ia juga menyebabkan ketidakadilan sosial yang boleh membawa kepada penindasan dan penafian hak kepada golongan tertentu dan menampakkan kelemahan penguatkuasaan undang-undang oleh pihak berwajib.

# **BAB 3**

# **PELAN TINDAKAN DAN INISIATIF**



### 3.1 Kerangka Utama OACP

#### VISI

Membentuk staf UniSZA membudayakan tadbir urus terbaik dan berintegriti serta bebas rasuah.

#### MISI

Memantapkan tadbir urus dan meningkatkan tahap kesedaran integriti staf UniSZA menerusi pelaksanaan OACP dan pematuhan terhadap peraturan yang berkuat kuasa.

#### MATLAMAT

1. Memupuk tadbir urus berintegriti dalam organisasi.
2. Memperkuuh kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada pemegang taruh UniSZA.
3. Meningkatkan ketelusan dalam proses perolehan di UniSZA.

<b>BIDANG KEUTAMAAN:</b> <b>Tadbir Urus</b>	<b>STRATEGI:</b> Memperkasa Tadbir Urus Organisasi ke Arah Sistem Penyampaian Perkhidmatan Berkualiti	<b>OBJEKTIF STRATEGIK:</b> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Memperkuuh pengurusan sumber manusia ke arah budaya kerja yang berintegriti dan berkualiti.</li><li>2. Memperkasa dan meningkatkan pematuhan tadbir urus.</li></ol>
<b>BIDANG KEUTAMAAN:</b> <b>Akademik dan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni</b>	<b>STRATEGI:</b> Memperkasa Profesionalisme, Integriti dan Akauntabiliti dalam Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA)	<b>OBJEKTIF STRATEGIK:</b> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam proses pembelajaran dan pengajaran.</li><li>2. Mengukuhkan akauntabiliti jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam pelantikan penyelia akademik (<i>supervisor</i>).</li><li>3. Memastikan pengamalan ketelusan dalam proses pengambilan pelajar.</li><li>4. Memantapkan penghayatan integriti dan akauntabiliti dalam pengurusan Hal Ehwal Pelajar.</li></ol>



<b>BIDANG KEUTAMAAN:</b> Penyelidikan dan Inovasi	<b>STRATEGI:</b> Memantapkan Integriti Tadbir Urus Penyelidikan dan Inovasi	<b>OBJEKTIF STRATEGIK:</b> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Memastikan tadbir urus penyelidikan yang telus dan profesional.</li><li>2. Memperkuuh tatacara pelaksanaan perkhidmatan penyelidikan, pengkomersialan dan inovasi.</li><li>3. Mengekalkan keberkesanan dan kebolehpercayaan data, analisis serta maklumat penyelidikan.</li></ol>
<b>BIDANG KEUTAMAAN:</b> Kewangan dan Pembangunan	<b>STRATEGI:</b> Memperkasa pengurusan kewangan dan perolehan ke arah meningkatkan kecekapan, ketelusan dan integriti kewangan serta pembangunan universiti	<b>OBJEKTIF STRATEGIK:</b> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Meningkatkan ketelusan perolehan bagi memastikan pengurangan risiko rasuah.</li><li>2. Memastikan ketelusan dan akauntabiliti berkaitan hal ehwal kewangan.</li><li>3. Meningkatkan ketelusan dan keberkesanan pembangunan serta pengurangan risiko rasuah dalam pembangunan.</li></ol> 

### 3.2 Analisis Kuadran

KOMPLEKSITI : Kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif  
 IMPAK : Kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif



### 3.3 Bidang Keutamaan 1: Tadbir Urus

Strategi 1: Memperkasa tadbir urus organisasi ke arah sistem penyampaian perkhidmatan berkualiti.

Objektif Strategik 1.1 : Memperkuuh pengurusan sumber manusia ke arah budaya kerja berintegriti dan berkualiti.

Bil.	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
1.1.1	Menganjurkan program latihan berstruktur bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan pegawai.	CenTTM	5 Tahun (2023-2027)
1.1.2	Mewujudkan sistem myPortfolio.	PP (BSM)	2 Tahun (2023-2024)
1.1.3	Menyediakan kursus dan program pemantapan integriti staf.	CenTTM / Unit Integriti	5 Tahun (2023-2027)
1.1.4	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia yang bertanggungjawab.	PPUU	5 Tahun (2023-2027)
1.1.5	Melaksanakan naziran integriti secara berterusan.	Unit Integriti	5 Tahun (2023-2027)



Objektif Strategik 1.2 : Memperkasa dan meningkatkan pematuhan tadbir urus.

Bil.	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
1.2.1	Mengeluarkan surat peringatan pentadbiran/surat tunjuk sebab.	PNC / PP	5 Tahun (2023-2027)
1.2.2	Memberi khidmat kaunseling kepada pegawai terlibat.	PTNC HEPA	5 Tahun (2023-2027)
1.2.3	Menyediakan kursus dan program pemantapan integriti staf.	CenTTM / Unit Integriti	5 Tahun (2023-2027)
1.2.4	Kajian keperluan latihan secara berterusan bagi memastikan pegawai mendapat latihan yang komprehensif ( <i>Training Need Analysis</i> ).	CenTTM	1 Kali Setahun (2023-2027)
1.2.5	Mengambil tindakan tata tertib.	PPUU	Sepanjang Tahun (Mengikut Keperluan)
1.2.6	Mewajibkan pengisytiharan harta.	Unit Integriti	Sepanjang Tahun
1.2.7	Melaksanakan pengauditan secara berkala.	UAD	5 Tahun (2023-2027)

### 3.4 Bidang Keutamaan 2: Akademik dan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA)

Strategi 2 : Memperkasa Profesionalisme, Integriti dan Akauntabiliti dalam Pengurusan Akademik dan HEPA.

Objektif Strategik 2.1 : Memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam proses pembelajaran dan pengajaran.

Bil.	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
2.1.1	Menerapkan nilai murni dalam kalangan pensyarah dan pelajar melalui program kesedaran.	COMAE-i / PPS/ Pusat Islam	Berkala (2 kali setahun)
2.1.2	Menambah baik Standard Operation Procedure (SOP) Akademik (memasukkan perisian pengesanan plagiat).	PPS / COMAE-i	Mac 2023
2.1.3	Menambah baik SOP Akademik untuk pensyarah (proses penilaian).	COMAE-i / PPS	Mac 2023
2.1.4	Kursus kesedaran mengenai etika kepada pensyarah.	CenTTM	Berkala (2 kali setahun)

Objektif Strategik 2.2 : Mengukuhkan akauntabiliti jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam pelantikan penyelia akademik (*supervisor*).

Bil.	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
2.2.1	Menambah baik Polisi Penyeliaan Edisi 2020 (proses lantikan penyelia akademik).	PPS	Mac 2023



Objektif Strategik 2.3 : Memastikan pengamalan ketelusan dalam proses pengambilan pelajar.

Bil.	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
2.3.1	Mewujudkan Garis Panduan Pelantikan Agen.	IC	Disember 2023
2.3.2	Menambah baik Garis Panduan Pengambilan Pelajar (Antarabangsa) - Mengadakan sesi temu duga (fizikal / secara dalam talian)	PPS	Jun 2023

Objektif Strategik 2.4 : Memantapkan penghayatan integriti dan akauntabiliti dalam pengurusan Hal Ehwal Pelajar.

Bil.	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
2.4.1	Menambah baik Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Pelajar: 1. Perincian Tuntutan Kewangan 2. Kursus dan latihan kepada pelajar, pegawai dan penasihat	PTNC (HEPA)	Jun 2023 Berkala (2 kali setahun)
2.4.2	Mengambil tindakan tatatertib kepada pelajar yang terlibat (Kaedah Tatatertib Pelajar).	PTNC (HEPA) / PPUU	Mengikut keperluan
2.4.1	Mewujudkan Garis Panduan Pengurusan Permohonan Bantuan dan Kemudahan Pelajar (Saringan Kelayakan).	PTNC (HEPA)	Disember 2023

### 3.5 Bidang Keutamaan 3: Penyelidikan dan Inovasi

Strategi 3 : Memantapkan Integriti Tadbir Urus Penyelidikan dan Inovasi.

Objektif Strategik 3.1 : Memastikan tadbir urus penyelidikan yang telus dan profesional.

Bil.	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
3.1.1	Menambah baik Garis Panduan Permohonan Geran (klausa hasil penyelidikan).	CREIM	1 Tahun (Jun 2023)
3.1.2	Menambah baik Garis Panduan Tadbir Urus Geran Penyelidikan (klausa penguatkuasaan pemantauan).	CREIM	1 Tahun (Jun 2023)
3.1.3	Taklimat / Kesedaran kepada penyelidik.	CREIM	Setahun Dua Kali (2023 – 2027)
3.1.4	Menambah baik Garis Panduan Tadbir Urus Geran Penyelidikan (Pemantauan lebih teliti oleh Pegawai yang menguruskan geran).	CREIM	1 Tahun (Jun 2023)
3.1.5	Mengambil tindakan punitif terhadap pegawai yang terlibat.	Unit Integriti/PPUU	1 Tahun (2023)
3.1.6	Menambah baik Garis Panduan Permohonan Geran (Membuat pemeriksaan silang peringkat dalaman secara berkala).	CREIM	1 Tahun (Jun 2023)
3.1.7	Menambah baik Garis Panduan Permohonan Geran (Hebahan dan pendedahan SOP terkini kepada penyelidik).	CREIM	1 Tahun (Jun 2023)
3.1.8	Menyediakan platform aduan yang lebih mudah berkaitan penyelidikan (buat borang sahaja).	CREIM	1 Tahun (Jun 2023)



Objektif Strategik 3.2 : Memperkuatkukuhkan tatacara pelaksanaan perkhidmatan penyelidikan, pengkomersialan dan inovasi.

Bil.	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
3.2.1	Menambah baik Polisi dan Garis Panduan Penyelidikan dan Inovasi UniSZA (semua MoA/MoU perlu melalui CREIM untuk pemantauan di peringkat CREIM).	CREIM	1 Tahun (Disember 2023)
3.2.2	Menambah baik Garis Panduan Tadbir Urus Geran Penyelidikan (klausa penguatkuasaan pemantauan).	CREIM	1 Tahun (Jun 2023)
3.2.3	Menambah baik Garis Panduan Permohonan Geran (membuat pemeriksaan silang peringkat dalaman secara berkala).	CREIM	1 Tahun (Jun 2023)

Objektif Strategik 3.3 : Mengkekalkan keberkesanan dan kebolehpercayaan data, analisis dan maklumat penyelidikan

Bil.	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
3.3.1	Melaksanakan Kempen Kesedaran Integriti dalam penyelidikan dan penerbitan di UniSZA.	CREIM	Dua (2) Tahun Sekali (2023 – 2027)
3.3.2	Mengambil tindakan punitif terhadap pegawai yang terlibat.	Unit Integriti/ PPUU	Sepanjang Tempoh 2023 - 2027

### 3.6 Bidang Keutamaan 4: Kewangan dan Pembangunan

Strategi 4 : Memperkasakan pengurusan kewangan dan perolehan ke arah meningkatkan kecekapan, ketelusan dan integriti kewangan dan pembangunan universiti.

Objektif Strategik 4.1 : Meningkatkan ketelusan perolehan bagi memastikan pengurangan risiko rasuah.

Bil.	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
4.1.1	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang menyebabkan kebocoran maklumat perolehan.	Unit Integriti/ PPUU	Sepanjang Tahun
4.1.2	Menambah baik Manual Perolehan UniSZA berdasarkan pekeliling kerajaan semasa dan memperkasakan prosedur penyimpanan dokumen terperingkat.	PB	Sepanjang Tahun
4.1.3	Mewujudkan prosedur penilaian perolehan pembekalan dan perkhidmatan yang teratur.	PB	Disember 2023
4.1.4	Surat Cara Perwakilan Kuasa dikepilkkan bersama dengan Surat Lantikan Ketua Pusat Tanggungjawab (KPTj).	PNC	Sepanjang Tahun (Mengikut Keperluan)
4.1.5	Memperkasakan Pusat Tanggungjawab (PTj) membuat perancangan pelaksanaan perolehan tahunan dengan mewujudkan templat jadual perancangan perolehan tahunan. Arahan akan dikeluarkan melalui Pekeliling Pejabat Bendahari.	PB	Setiap Akhir Tahun (Pelaksanaan perolehan tahun berikutnya)
4.1.6	Mewujudkan Prosedur Penerimaan Bekalan.	PB	Disember 2023
4.1.7	Mengadakan latihan amali cara dan prosedur penerimaan bekalan yang teratur.	PB	Sekali Setahun (2023 – 2027)
4.1.8	Menguatkuasakan Arahan Perbendaharaan 59	PB	Sepanjang Tahun



## PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA) 2023 - 2027

Objektif Strategik 4.2 : Memastikan ketelusan dan akauntabiliti berkaitan hal ehwal kewangan.

Bil.	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
4.2.1	Mengenakan tindakan tata tertib terhadap pegawai yang memalsukan dokumen dan penyelia yang meluluskan.	PPUU	Sepanjang Tahun
4.2.2	Menambah baik dan menguatkuasakan Tatacara Kewangan UniSZA (membuat semakan silang antara dokumen dan kerja yang dilaksanakan).	PB	Disember 2023

Objektif Strategik 4.3 : Meningkatkan ketelusan dan keberkesanan pembangunan serta pengurangan risiko rasuah dalam pembangunan.

Bil.	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
4.3.1	Mengeluarkan surat peringatan pentadbiran/surat tunjuk sebab.	KPTj	Sepanjang Tahun
4.3.2	Mengeluarkan surat lantikan khas bagi Pegawai Pengesah (Borang Permohonan Belian).	PB	Sepanjang Tahun



## **BAB 4**

# **MEKANISME PELAKSANAAN, PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN**






## MEKANISME PELAKSANAAN, PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Unit Integriti bertindak sebagai urus setia Penyelaras Pelan Antirasuah Universiti Sultan Zainal Abidin (OACP UniSZA) dan bekerjasama dengan Jawatankuasa Pembangunan OACP UniSZA dalam prosedur pembangunan, pelaksanaan, pemantauan Pelan Tindakan, dan pelaporan pencapaian OACP UniSZA secara berkala.

Dalam hal ini, Jawatankuasa Pembangunan OACP UniSZA akan mengemukakan pelaporan pelaksanaan OACP UniSZA melalui Unit Integriti sebanyak dua (2) kali setahun untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Antirasuah (JAR) UniSZA apabila berkeperluan dan terdapat perubahan pada OACP tersebut untuk tindakan selanjutnya.

Mesyuarat Jawatankuasa JAR UniSZA memainkan peranan penting sebagai mekanisme tertinggi yang menerima laporan, membincang, membuat keputusan dan memantau pelaksanaan inisiatif OACP UniSZA seperti yang dinyatakan dalam perkara 6.1.8 – Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019 Pemantapan Tadbir Urus, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional.

Oleh itu, keterlibatan dan kerjasama yang menyeluruh daripada semua pihak terutamanya pihak pengurusan tertinggi, staf UniSZA dan pihak berkepentingan adalah penting bagi memantapkan sistem pemantauan pelaksanaan OACP UniSZA.





## BAB 5

# PENUTUP





## PENUTUP

UniSZA sangat komited dalam usaha menangani risiko rasuah yang diterjemahkan dalam Pelan Antirasuah UniSZA 2023 – 2027.

Demi matlamat menjadikan UniSZA sebuah organisasi bebas rasuah, pelan ini menggariskan tindakan yang perlu diambil untuk menyahut dasar kerajaan. OACP ini mengambil kira pandangan warga UniSZA secara holistik dan telah mengenal pasti empat (4) Bidang Keutamaan, empat (4) Strategi, 12 Objektif Strategik merangkumi 48 Inisiatif untuk dilaksanakan sebagai panduan pengurusan Antirasuah di UniSZA.

Pelaksanaan semua inisiatif yang telah digubal ini akan dipantau dan dikaji semula secara berkala untuk kelestarian keberkesanan OACP. Bagi memastikan inisiatif yang dirangka akan sentiasa relevan dan terus menjadi panduan dan rujukan semua pihak dalam menangani salah laku dan jenayah rasuah, UniSZA akan sentiasa peka dengan perubahan semasa dan mengambil kira maklum balas, nasihat dan panduan daripada pelbagai pihak dari semasa ke semasa.

UniSZA memerlukan komitmen yang jitu daripada semua staf dalam memastikan jajaran OACP ini mencapai objektif pembangunannya.



## Sekalung Penghargaan

YBhg. Prof. Dato' Dr. Fadzli bin Adam  
Naib Canselor

### JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH UniSZA

YBrs. Prof. Dr. Zuhairah Ariff binti Abd Ghadas  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
(Pengerusi)

YBrs. Prof. Ts. Dr. Shukor bin Abd Razak  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
(Timbalan Pengerusi)

### Ahli-Ahli Jawatankuasa

YBrs. Dato' Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Hafiz bin Yusoff @ Che Abdullah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)	Encik Ismail bin Musa Pendaftar
Puan Hajjah Shakimah binti Endut Bendahari	Encik Mohd Fuad bin Husaini Penasihat Undang-Undang
YBrs. Prof. Dr. Mohd Nordin bin Abdul Rahman Pengarah Kampus Besut	Encik Muzafer bin Mohd Din Pengarah Pusat Komunikasi Korporat dan Pengurusan Perhubungan
Encik Ahmad bin Othman Pengarah Pusat Islam	Puan Norulhuda binti Makhtar Ketua Pustakawan
Encik Abdul Hadi bin Nayan Ketua Unit Audit Dalam	Encik Baharin bin Salim @ Abdullah Ketua Unit Risiko

### Urus Setia

Encik Mohd Faizal bin Ibrahim  
Pegawai Integriti Bertauliah ((CeLO)  
Ketua Unit Integriti

Puan Zuwariyah binti Abdul Rahman Penolong Pendaftar Kanan Unit Integriti	Puan Mazrah binti Osman Penolong Pegawai Tadbir Unit Integriti
---	--



## JAWATANKUASA KERJA PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH UniSZA

Prof. Dr. Zuhairah Ariff binti Abd Ghadas Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)	Prof. Dr. Wan Abd Aziz bin Wan Mohd Amin Dekan Fakulti Sains Sosial Gunaan
Prof. Dr. Hafizan bin Juahir Pengarah Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur	Puan Norulhuda binti Makhtar Ketua Pustakawan Perpustakaan Al-Wathiqu Billah
YM Syed Mohd Azmi bin Syed Ab. Rahman Pengarah Pusat Alumni	Encik Ahmad bin Othman Pengarah Pusat Islam
Encik Abdul Hadi bin Nayan Ketua Unit Audit Dalam	Encik Asnidzal bin Mohamed Jamel Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Infostruktur & Rangkaian
Prof. Madya Dr. Azman bin Azid Timbalan Pengarah, Inovasi dan Pengkomersialan Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inkubator Penyelidikan	Dr. Imilia binti Ismail Timbalan Pengarah, Penyelidikan dan Penerbitan Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inkubator Penyelidikan
Puan Noryati binti Yaacob Ahli Persatuan Staf Akademik	Prof. Madya Ts. Dr. Roslan bin Umar Timbalan Pengarah, Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur
Encik Mazlan bin Mohammad Ketua Penolong Pendaftar Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)	Encik Mohd Ali bin Hashim Ketua Penolong Pendaftar Pengarah Kampus Besut
Puan Majedah binti Mokhtar Penolong Pendaftar Kanan Bahagian Sumber Manusia Pejabat Pendaftar	Puan Norazfani binti Abdul Rahim Penolong Pendaftar Kanan Bahagian Sumber Manusia Pejabat Pendaftar
Puan Rosa Faizura binti Hashim Pegawai Kewangan Pejabat Bendahari	Cik Mazliyana binti Malek @ Maaroff Pegawai Kewangan Pejabat Bendahari
Encik Mohd Hazrul bin Hashim Pegawai Teknologi Maklumat Pusat Pengurusan Infostruktur & Rangkaian	Encik Ahmad Rumaizi bin Hashim Penolong Pendaftar Kanan Pusat Pengurusan Bakat & Latihan UniSZA

Puan Salwani binti Mahasan Pegawai Undang-Undang Pejabat Penasihat Undang-Undang	Puan Hairu Haryana binti Mamat Penolong Pendaftar Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa
Puan Nuren Arina binti Masstapar Penolong Pendaftar Pusat Komunikasi Korporat dan Pengurusan Perhubungan	Puan Nurul Liyana binti Mohamad Yusof Penolong Pendaftar Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inkubator Penyelidikan
<b>Puan Syarifah Rodiah binti Mohd Pauzi Juruukur Bahan Pusat Pengurusan Harta Benda</b>	
<b>Urus Setia</b>	
Encik Mohd Faizal bin Ibrahim Pegawai Integriti Bertauliah ((CeIO) Ketua Unit Integriti (Mantan)	Encik Mohd Husnizan bin Mohd Nor Ketua Unit Integriti (Baharu)
Puan Zuwariyah binti Abdul Rahman Penolong Pendaftar Kanan Unit Integriti	Puan Mazrah binti Osman Penolong Pegawai Tadbir Unit Integriti
Encik Mohd Usairi bin Mohamed Zainuddin Penolong Pegawai Tadbir Seksyen Pentadbiran Am & Kewangan	Encik Muhammad Fathuddin bin Che Bahar Penolong Pegawai Tadbir Seksyen Pentadbiran Am & Kewangan
Cik Nurul Zinnirah binti Ismail Penolong Pegawai Tadbir Seksyen Pentadbiran Am & Kewangan	Cik Nurul Hasyimah binti Ali Penolong Pegawai Tadbir Seksyen Governan
Encik Azmi bin Ibrahim Pembantu Operasi Seksyen Pentadbiran Am & Kewangan	Encik Mohd Ridwan bin Ghazali Pembantu Operasi Seksyen Pentadbiran Am & Kewangan
Encik Mohd Nur 'Adnan bin Muhammad Pembantu Operasi Seksyen Pentadbiran Am & Kewangan	Encik Mohd Rezwan bin Remely Pembantu Operasi Seksyen Pentadbiran Am & Kewangan



## Coretan Sepanjang Bengkel Pembangunan OACP UniSZA

Bengkel  
**PEMBANGUNAN PELAN  
ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)**  
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

3 - 5 OKTOBER 2022 (ISNIN - RABU)  
Dewan Seminar CenTTM, UniSZA Kampus Gong Badak

Tuan Guru Firdaus Insan

Anjuran: Pejabat Pendaftar [PP]







## PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA) 2023 - 2027







## PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA) 2023 - 2027



Bengkel

# PEMURNIAN PELAN ANTI RASUAH (OACP)

Universiti Sultan Zainal Abidin

7-8 DISEMBER 2022

RAIA HOTEL & CONVENTION CENTRE

Imu Demi  
Faedah Insan  
UNIVERSITY FOR ALL HUMANITY

PENGATUR  
PENDAFTAR  
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

UNIVERSITY RANKINGS  
UNIVERSITY OF THE YEAR  
UNIVERSITY OF EXCELLENCE

TEKNOLOGI  
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

MuRR  
Green  
University





## PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA) 2023 - 2027







## PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA) 2023 - 2027











Unit Integriti  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA